

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HGT514 – Kaedah Penyelidikan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Sekurang-kurangnya **SATU (1)** soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Bincangkan sifat kajian yang sesuai bagi peringkat sarjana dan doktor falsafah dengan mengambil kira idea 'hour glass'.
[25 markah]
2. Merujuk kepada SATU kajian yang sesuai, bincangkan ciri-ciri penyelidikan yang beretika serta kepentingan mematuhiya.
[25 markah]
3. Anda ditugaskan untuk menjalankan kajian tentang interaksi sosial masyarakat di sebuah bandar yang mempunyai pelbagai kaum dan budaya menggunakan kaedah pengamatan. Bincangkan secara terperinci bagaimana anda akan melaksanakan kajian tersebut.
[25 markah]

Bahagian B

4. Merujuk kepada SATU contoh kajian yang sesuai bincangkan bagaimana reka bentuk soal selidik dibangunkan.
[25 markah]
5. Merujuk kepada sebuah penyelidikan tentang isu kesesakan lalu lintas, bincangkan reka bentuk kajian yang bersifat kuantitatif.
[25 markah]

Bahagian C

6. Bincangkan tatacara penyediaan reka bentuk penyelidikan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dalam kajian kemiskinan dalam bandar.
[25 markah]
7. "GIS allows us to look for explanation among different properties of a location", Longley et al. (2011). Merujuk kepada isu kejadian jenayah dalam bandar, bincangkan.
[25 markah]